

Raja Perlis terima menghadap Duta Besar Jepun, Uruguay

um/23.11.12/31/4/10/105

KANGAR 22 Nov. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Abdul Rashid menerima menghadap dua duta besar di Istana Arau dekat sini malam tadi sempena lawatan rasmi mereka ke Perlis.

Mereka ialah Duta Besar Jepun, Shigeru Nakamura dan Duta Besar Uruguay, Ferardo Prato.

Turut berangkat ke majlis menghadap itu ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil manakala yang hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan Setiausaha Kerajaan negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid.

Hari ini, Duta Besar Jepun melawat kilang sarung tangan milik syarikat Jepun, Shorubber Malaysia Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian Jejawi, Kangar yang beroperasi sejak 1993 dan kini mempunyai lebih



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (kanan) menerima menghadap Shigeru Nakamura (dua dari kiri) dan Ferardo Prato (tiga dari kiri) sambil diperhatikan oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kiri) di Istana Arau, malam semalam.

2,000 petugas.

Sementara itu, Prato yang berada di sini sejak semalam turut

melawat Taman Ular dan Reptilia Perlis serta Taman Herba di Sungai Batu Pahat. - BERNAMA